



KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN PERTAMA 2021

Sektor ekonomi merekodkan 177.9 ribu kekosongan jawatan pada suku pertama 2021

PUTRAJAYA, 10 MEI 2021 – Sektor ekonomi merekodkan 177.9 ribu kekosongan jawatan pada suku pertama 2021, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU PERTAMA 2021** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Kekosongan jawatan di sektor ekonomi meningkat sebanyak 7.2 peratus berbanding dengan suku tahun yang sama tahun lepas dengan 177.9 ribu kekosongan jawatan (ST1 2020: 166.0 ribu). Peningkatan kekosongan jawatan ini adalah selari dengan prestasi ekonomi yang lebih baik. Dalam tempoh tersebut, nilai jualan Perdagangan borong dan runcit mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun buat pertama kalinya dengan 9.3 peratus manakala Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) bagi bulan Mac 2021 juga telah meningkat sebanyak 9.3 peratus. Namun demikian, bilangan kekosongan jawatan pada suku tahun ini masih belum mencapai paras normal seperti sebelum krisis yang merekodkan secara puratanya 200 ribu kekosongan jawatan. Kadar kekosongan jawatan pada suku tahun ini meningkat 0.2 mata peratus (ST1 2020: 1.9%).

Lebih separuh daripada kekosongan jawatan pada suku pertama tahun ini adalah dalam kategori separuh mahir dengan 55.5 peratus atau bersamaan dengan 98.7 ribu kekosongan, diikuti kategori mahir 23.5 peratus (41.8 ribu) dan berkemahiran rendah 21.0 peratus (37.4 ribu). Mengikut sektor ekonomi, kebanyakan kekosongan jawatan adalah di sektor Pembuatan yang merekodkan 100.9 ribu kekosongan jawatan (56.7%), terutamanya di subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (30.6 ribu) diikuti oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (18.7 ribu). Sementara itu, kekosongan jawatan di sektor Pertanian merangkumi 28.5 ribu kekosongan jawatan (16.0%) dengan sebahagian besarnya di subsektor Tanaman dan ternakan. Terdapat sebanyak 26.8 ribu kekosongan jawatan (15.1%) di sektor Perkhidmatan terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit."


Mengulas lanjut kedudukan keseluruhan jawatan pada suku pertama tahun 2021, beliau berkata, “Bilangan jawatan di sektor ekonomi pada suku tahun ini berkurang secara berterusan sejak empat suku tahun yang lepas kepada 8.437 juta jawatan, menurun sebanyak 1.5 peratus tahun ke tahun (ST1 2020: -2.4%). Statistik ini menunjukkan bahawa bilangan jawatan masih rendah berbanding sebelum krisis walaupun bilangan kekosongan jawatan meningkat. Kadar pengisian jawatan suku tahun ini kekal pada 97.9 peratus, bersamaan dengan 8.260 juta jawatan diisi. Perincian pengisian jawatan mengikut kategori kemahiran menunjukkan kategori separuh mahir merekodkan peratus sumbangan tertinggi iaitu 62.5 peratus (5.2 juta), menurun 0.1 mata peratus (ST4 2020: 62.6%), manakala peratus sumbangan kategori mahir meningkat 0.1 mata peratus kepada 24.5 peratus (2.0 juta).

Ketua Perangkawan Malaysia seterusnya menyatakan bahawa terdapat sejumlah 17.4 ribu jawatan diwujudkan pada suku tahun ini, meningkat 4.0 peratus (+669 pewujudan jawatan) berbanding dengan suku tahun sebelumnya (16.7 ribu). Walau bagaimanapun, berdasarkan analisis tahun ke tahun, bilangan pewujudan jawatan berkurang sebanyak 4.5 ribu jawatan (ST1 2020: 21.9 ribu) dengan kategori mahir masih dalam trend menurun manakala kedua-dua kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah mencatatkan pertumbuhan positif. Kebanyakan pewujudan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 59.9 peratus atau 10.4 ribu manakala kategori mahir 30.5 peratus (5.3 ribu). Melihat kepada perincian mengikut aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan merekodkan komposisi terbesar iaitu 42.4 peratus atau 7.4 ribu jawatan, diikuti oleh Perkhidmatan pada 36.6 peratus (6.4 ribu jawatan). Sementara itu, selebihnya iaitu 21.0 peratus daripada pewujudan jawatan adalah di sektor Pembinaan (16.2%), Pertanian (4.3%) dan Perlombongan & Pengkuarian (0.5%).

Merumuskan kenyataan beliau pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, “Mengambil kira keadaan krisis kesihatan yang sedang berlaku, permintaan buruh di Malaysia menunjukkan momentum pemulihan sederhana pada suku tahun pertama 2021, antaranya berikutan kelonggaran beberapa sekatan yang dikenakan pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan mulai Januari tahun ini. Walau bagaimanapun, pelbagai insentif dan pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh kerajaan dijangka akan mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan seterusnya menyokong serta memacu pemulihan pasaran buruh.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara bersemuka dan dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST1 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
10 MEI 2021



MEDIA STATEMENT FOR EMPLOYMENT STATISTICS, FIRST QUARTER OF 2021

Economic sector recorded 177.9 thousand job vacancies in the first quarter of 2021

PUTRAJAYA, 10 MAY 2021 – Economic sector recorded 177.9 thousand job vacancies in the first quarter of 2021, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, FIRST QUARTER 2021** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in private sector. The report presents labour demand statistics, encompassing of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created by skill categories and economic activities.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Job vacancies in economic sector increased by 7.2 per cent as compared to the same quarter of preceding year to record 177.9 thousand job vacancies (Q1 2020: 166.0 thousand). The increase of job vacancies during the quarter was in line with the improvement in economic performance. Sales value of Wholesale & retail trade registered the first positive year-on-year growth of 9.3 per cent while the Industrial Production Index (IPI) surged 9.3 per cent in March 2021 during the same period. Comparing with pre-crisis duration, the number of job vacancies had yet to revive to the normal level which recorded an average of 200 thousand job vacancies. On the same note, rate of job vacancies during this quarter increased by 0.2 percentage points (Q1 2020: 1.9%).

More than half of job vacancies in the first quarter of this year were in semi-skilled category accounting for 55.5 per cent or equivalent to 98.7 thousand job vacancies, followed by the skilled category at 23.5 per cent (41.8 thousand) and 21.0 per cent in the low-skilled category (37.4 thousand). By economic sector, most of job vacancies were in the Manufacturing sector recording 100.9 thousand job vacancies (56.7%), primarily in Electrical, electronic and optical products sub-sector (30.6 thousand) followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products (18.7 thousand). In the meantime, job vacancies in Agriculture sector encompassed of 28.5 thousand job vacancies (16.0%), largely in Crops and livestock sub-sector. There were 26.8 thousand job vacancies (15.1%) in Services sector particularly in Wholesale and retail trade activity."

Commenting further on the overall jobs situation during the first quarter of 2021, he said, "The number of jobs in the economic sector continued to decrease since the last


four consecutive quarters to 8.437 million jobs, edging down by 1.5 per cent year-on-year (Q1 2020: -2.4%). The figures signified that despite the increase of job vacancies, the number of jobs was still lower as compared to the pre-crisis situation. Rate of filled jobs during the quarter remained at 97.9 per cent, equivalent to 8.260 million filled jobs. Disaggregating filled jobs by skill categories, semi-skilled which encompassed of the largest share at 62.5 per cent (5.2 million) decreased by 0.1 percentage point (Q4 2020: 62.6%) whereas the share of skilled category expanded by 0.1 percentage point to 24.5 per cent (2.0 million)."

The Chief Statistician further highlighted that there were 17.4 thousand jobs created during this quarter, rose by 4.0 per cent (+669 jobs created) as against the previous quarter (16.7 thousand). Nevertheless, analysing year-on-year performance, the number of jobs created fell by 4.5 thousand jobs (Q1 2020: 21.9 thousand) with skilled category remained in decreasing trend whereas both semi and low-skilled categories posted increases. Majority of jobs created were in semi-skilled category comprising of 59.9 per cent or 10.4 thousand while skilled category made up 30.5 per cent (5.3 thousand). Looking at the breakdown by economic sector, Manufacturing sector recorded the largest composition of jobs created at 42.4 per cent or 7.4 thousand jobs, followed by Services sector at 36.6 per cent (6.4 thousand jobs). Meanwhile, the remaining of 21.0 per cent of jobs created were in Construction (16.2%), Agriculture (4.3%) and Mining & Quarrying (0.5%) sectors.

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Considering the current health crisis, the first quarter of 2021 indicated a modest recovery momentum of labour demand in Malaysia, among others due to the relaxation of some restrictions imposed at the beginning stage of the Movement Control Order starting January this year. Nonetheless, various incentives and stimulus packages issued by government is foreseen to improve the economic growth and subsequently facilitate and accelerate the labour market's recovery pace."

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more information.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q1 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
10 MAY 2021